



28 Disember 2012
28 December 2012
P.U. (A) 483

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN
*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN PASARAN MODAL DAN
PERKHIDMATAN (FI) 2012

*CAPITAL MARKETS AND SERVICES (FEES)
REGULATIONS 2012*



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN 2007

PERATURAN-PERATURAN PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN (FI) 2012

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 378(2)(b) Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 [*Akta 671*], Suruhanjaya, dengan kelulusan Menteri, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Fi) 2012**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 28 Disember 2012.

Tafsiran

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini—

“Kod” ertinya Kod Malaysia mengenai Pengambilalihan dan Percantuman 2010 [P.U. (B) 538/2010];

“prospektus” mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya dalam seksyen 226 Akta dan termasuk suatu dokumen penzahiran di bawah perenggan 212(5)(b) Akta.

Fi berkenaan dengan cadangan berhubung dengan sekuriti selain debentur, sukuk, skim unit amanah dan skim pelaburan ditetapkan

3. Fi yang kena dibayar berkenaan dengan Penggal 1A Bahagian VI Akta selain yang berhubung dengan debentur, sukuk, skim unit amanah dan skim yang ditetapkan hendaklah mengikut apa-apa amaun sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual 1.

Fi berkenaan dengan pengambilalihan, percantuman dan pengambilan paksa

4. Fi yang kena dibayar berkenaan dengan Penggal 2 Bahagian VI Akta hendaklah mengikut apa-apa amaun sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual 2.

Fi berkenaan dengan prospektus

5. (1) Fi yang kena dibayar berkenaan dengan perenggan 212(5)(b) dan Penggal 3 Bahagian VI Akta hendaklah mengikut apa-apa amaun sebagaimana yang dinyatakan dalam—

- (a) Jadual 3 berkenaan dengan pendaftaran prospektus dan deposit memorandum maklumat selain berhubungan dengan skim unit amanah dan skim pelaburan ditetapkan; dan
- (b) Jadual 4 berkenaan dengan pendaftaran prospektus dan deposit memorandum maklumat berhubungan dengan skim unit amanah dan skim pelaburan ditetapkan.

(2) Fi yang disebut dalam subperaturan (1) berkenaan dengan prospektus hendaklah kena dibayar sama ada Suruhanjaya mendaftarkan prospektus itu atau tidak.

Fi berkenaan dengan amanah perniagaan

6. Fi yang kena dibayar berkenaan dengan Penggal 1A, 3A dan 3B Bahagian VI Akta, selain pendaftaran prospektus dan deposit memorandum maklumat, hendaklah mengikut apa-apa amaun sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual 5.

Fi berkenaan dengan debentur dan sukuk

7. Fi yang kena dibayar berkenaan dengan Penggal 1A, 3A dan 4 Bahagian VI Akta hendaklah mengikut apa-apa amaun sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual 6.

Fi berkenaan dengan skim unit amanah dan skim pelaburan ditetapkan

8. Fi yang kena dibayar berkenaan dengan Penggal 1A, 3A dan 5 Bahagian VI Akta selain amanah perniagaan hendaklah mengikut apa-apa amaun sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual 7.

Fi berkenaan dengan cadangan yang melibatkan penilaian aset

9. Fi yang kena dibayar berkenaan dengan mana-mana cadangan yang melibatkan penilaian aset hendaklah mengikut apa-apa amaun sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual 8.

Fi berkenaan dengan pendepositan dokumen penawaran dan penyerahsimpanan helaian maklumat penting produk

10. Fi yang kena dibayar berkenaan dengan penyerahsimpanan helaian maklumat penting produk sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya hendaklah mengikut apa-apa amaun sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual 9.

Penarikan balik, pengembalian, penolakan dan kajian semula keputusan Suruhanjaya

11. (1) Bagi produk pasaran modal selain yang disebut dalam subperaturan (2), fi yang kena dibayar dan boleh dibayar balik berkenaan dengan penarikan balik, pengembalian atau penolakan untuk meluluskan, memberi kuasa, mendaftar atau mengiktiraf, mana-mana permohonan atau pengemukaan kepada Suruhanjaya hendaklah mengikut apa-apa amaun sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual 10.

(2) Bagi unit saham amanah dan skim pelaburan ditetapkan selain amanah perniagaan, fi yang kena dibayar dan boleh dibayar balik berkenaan dengan penarikan balik, pengembalian atau penolakan mana-mana permohonan atau pengemukaan kepada Suruhanjaya hendaklah mengikut apa-apa amaun yang dinyatakan dalam Jadual 11.

(3) Jika suatu permohonan dibuat untuk kajian semula keputusan Suruhanjaya, tiada fi yang kena dibayar bagi permohonan itu.

Fi bagi tindakan Suruhanjaya

12. (1) Fi yang kena dibayar kepada Suruhanjaya di bawah Peraturan-Peraturan ini berkenaan dengan deposit atau penyerahsimpanan suatu dokumen dengan, atau pendaftaran suatu dokumen oleh, Suruhanjaya atau berkenaan dengan apa-apa permohonan untuk kelulusan, pemberikuasaan, pendaftaran atau pengiktirafan

hendaklah dibayar pada masa dokumen itu dihantar serah kepada Suruhanjaya bagi deposit, penyerahsimpanan atau pendaftaran atau pada masa permohonan untuk kelulusan, pemberikuasaan, pendaftaran atau pengiktirafan itu dikemukakan kepada Suruhanjaya.

(2) Jika suatu fi yang kena dibayar di bawah Peraturan-Peraturan ini bagi atau berkenaan dengan deposit atau penyerahsimpanan suatu dokumen dengan atau pendaftaran suatu dokumen oleh Suruhanjaya atau berkenaan dengan apa-apa permohonan untuk kelulusan, pemberikuasaan, pendaftaran atau pengiktirafan dan dokumen yang dikemukakan bagi deposit, penyerahsimpanan atau pendaftaran atau permohonan untuk kelulusan, pemberikuasaan, pendaftaran atau pengiktirafan dikemukakan tanpa pembayaran fi itu, dokumen itu hendaklah disifatkan tidak didepositkan atau tidak diserahsimpankan dengan atau tidak dikemukakan bagi pendaftaran atau permohonan itu hendaklah disifatkan tidak dikemukakan sehingga fi itu dibayar.

Pembatalan

13. Peraturan-Peraturan Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Fi) 2011 [P.U. (A) 88/2011] dibatalkan.